

Labelkan gambar dengan KATA GANDA yang sesuai.

Terang-benderang

Rak-rak

Warna-warni

Gunung-ganang

Burung-burung

Berbisik-bisik

Murid-murid


Rerama



Kata Ganda

Menjaga Adab di Perpustakaan

Elis dan **rakan-rakan**nya ke perpustakaan untuk mengulang kaji mata pelajaran Bahasa Melayu. Keadaan di dalam perpustakaan itu sunyi sepi. Semua murid tekun membaca buku. Mereka tidak **berbual-bual** walaupun tiada guru di situ.



Letakkan KATA GANDA yang terdapat dalam petikan mengikut jenisnya.



Kata Ganda

Parkir di Hutan Lipur Bukit Wang, Jitra, Kedah

Pengunjung-pengunjung tidak dibenarkan memandu masuk kenderaan **masing-masing** ke Hutan Lipur Bukit Wang. Peraturan ini bagi memastikan kawasan **mandi-manda** di Bukit Wang bebas daripada pencemaran asap.

Asap daripada kenderaan yang **lalu-lalang** di situ telah dikenal pasti sebagai satu daripada punca pencemaran di kawasan Hutan Lipur Bukit Wang. Penduduk tempatan telah **bersama-sama** membina tempat parkir di luar kawasan Hutan Lipur Bukit Wang. Aktiviti **gotong-royong** itu mengambil masa **berbulan-bulan** tetapi hasilnya amat membanggakan.

Penat lelah para penduduk sudah berbalas. Kini, kawasan Bukit Wang bebas daripada asap kenderaan. Udara di situ semakin bersih dengan **pepohon** menghijau. **Beburung** dan **rerama** terbang dari dahan ke dahan. **Ikan-ikan** kecil **berenang-renang** di dalam sungai yang jernih.

Oleh itu, diharap agar semua pengunjung terus mematuhi peraturan-peraturan yang ditetapkan.

Kata Ganda

Kata Ganda Penuh	Kata Ganda Separa	Kata Ganda Berentak	Kata Ganda Berimbuhan